

07/04/2000

Malaysia pikat karyawan filem asing

Mokhtar Alias

USAHA Malaysia memikat karyawan asing untuk membuat penggambaran filem di sini tidak bertumpu dari Hollywood dan Bollywood semata-mata, sebaliknya ia juga sedang giat dijalankan di beberapa negara lain.

Ketika ini, usaha dilakukan di beberapa negara Eropah, terutama Britain dan Belanda serta negara lain yang diyakini mempunyai industri perfileman yang cergas dan berminat dengan penggambaran di luar negara.

Usaha ini dilakukan menerusi kerjasama pelbagai pihak, terutama kedutaan Malaysia di luar negara.

"Kita menawarkan banyak kemudahan kepada mereka untuk membuat penggambaran di sini, banyak pihak di sini bersedia memberi kerjasama dan kita yakin usaha ini akan lebih berhasil," kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Ketika menyampaikan taklimat kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional di Istana Budaya, Kuala Lumpur, baru-baru ini, beliau berkata galakkan kepada pihak asing mengadakan penggambaran di sini boleh mempromosi negara secara tidak langsung.

Abdul Kadir berkata, membuat iklan di luar negara untuk menggalakkan pelancong ke Malaysia memerlukan kos tinggi, maka usaha seperti memikat mereka menerusi kegiatan filem di sini adalah lebih menjimatkan dan berkesan.

Sebagai contoh, usaha kementerian membawa ejen pelancongan dan wartawan dari luar negara yang giat dijalankan ketika ini lebih menjimatkan berbanding iklan. Malah, banyak syarikat penerbangan tempatan dan luar negara bersama hotel di sini bersedia menampung kos mereka ke sini.

Baru-baru ini, beliau mengiringi enam penerbit filem terkemuka dari Bollywood mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya.

Mereka ialah pelakon Priti Sapru dari Sai Sapru Creation, Rakesh Nath (Dashaka Films Entertainment), Catharin Olivia (Sogun Films), Avtar Kohli (AK International Motion) dan Vimal Kumar (Shimram Chitya Motion Pictures).

Shogun Films dijangka membuat penggambaran filem Paagalpan (Kegilaan) di sini, bulan depan.

Sementara itu, persembahan kebudayaan Warisan Malaysia turut diadakan bersempena dengan majlis taklimat itu. Pertunjukan itu adalah sebahagian contoh kebudayaan yang dibawa ketika mempromosi kebudayaan dan pelancongan di luar negara.

Sebanyak 75 artis termasuk penari, penyanyi dan pemuzik terbabit dalam pementasan sejam itu. Persembahan dimulakan dengan lintasan budaya Malaysia dan kesenian tradisi sebagai asas kesenian paling awal di negara ini.

Kesenian India dan Cina pula melambangkan kedatangan elemen baru dalam kebudayaan tempatan, selain pengaruh Arab dalam kesenian Melayu.

Kedatangan Portugis turut membawa kesenian mereka yang tersendiri. Segmen Malaysia Merdeka melambangkan keceriaan rakyat dalam masyarakat makmur dan merdeka.

Tarian Etnik pula melambangkan keindahan kesenian dari Sabah dan Sarawak.

Manakala, Malaysia Truly Asia menggambarkan kegembiraan masyarakat Malaysia dalam mengamalkan kebebasan budaya masing-masing dan saling menghormati.

(END)